
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

HGM 236 – GEOGRAFI EKONOMI DAN PEMBANGUNAN

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan. Jawab DUA soalan dari Bahagian A dan jawab DUA soalan dari Bahagian B.

Bahagian A

1. Huraikan bagaimana paradigma kelebihan daya saing (*competitive advantage*) boleh menjelaskan pembangunan ruang yang tidak sama rata.
[25 markah]
2. Bincangkan peranan buruh yang telah berubah dalam mempengaruhi kelebihan daya saing sesuatu kawasan dalam era globalisasi.
[25 markah]
3. Jelaskan bagaimana globalisasi telah mengubah peranan negara bangsa dan kemunculan negara pesaing (*competition state*) dan faktor-faktor yang boleh mempengaruhi kelebihan daya saing sesebuah negara.
[25 markah]
4. Teknologi dikatakan memesatkan lagi pemusatan aktiviti ekonomi tetapi dalam masa yang sama mewujudkan fenomena ruang tanpa sempadan. Bincangkan pernyataan tersebut dengan merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai.
[25 markah]

Bahagian B

5. Bincangkan sejauh mana kemahiran sosial dan informalisasi menjadi ciri budaya ekonomi kontemporari yang penting dalam pembangunan sektor pelancongan di sesebuah negara.
[25 markah]
6. Terangkan bagaimana set amalan, hubungan sosial dan pemikiran menjadi asas budaya korporat yang berjaya dalam sektor peruncitan masa kini.
[25 markah]

7. Jelaskan bagaimana pertembungan gender dan etnik mampu mewujudkan kehidupan ekonomi yang berdaya saing dalam sektor perniagaan.

[25 markah]

8. Bandingkan ciri dan faktor kejayaan imigran etnik minoriti di Malaysia dan Kanada dalam membentuk landskap ekonomi mereka sendiri.

[25 markah]